

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 12 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Haji Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan bagaimanakah Kementerian dapat mengawal harga getah bagi mengelakkan penoreh berhadapan dengan kesan kejatuhan harga yang melampau

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga getah seperti komoditi-komoditi lain juga bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa. Selain itu, ia juga ada hubung kait dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama, termasuk China, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat. Sejak suku tahun ketiga 2013, negara-negara pengimport tersebut telah mengalami pertumbuhan ekonomi yang perlahan, yang secara langsung telah mengurangkan permintaan dan seterusnya memberi kesan kepada harga.

Antara inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menstabilkan harga getah ialah dengan mewujudkan kerjasama di kalangan tiga buah negara pengeluar utama getah iaitu, Thailand, Indonesia dan Malaysia di bawah rangka *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC merupakan forum bagi membincangkan penstabilan pengeluaran getah untuk memberi impak kepada pengukuhan harga getah melalui langkah-langkah berikut:

- i. Pelaksanaan ***Agreed Export Tonnage Scheme*** (AETS) untuk mengawal eksport melalui penetapan kuota. Mekanisme ini telahpun dilaksanakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013. Pada tempoh itu, ketiga-tiga negara tersebut secara kolektif telah menghadkan pengeksportan 300,000 tan getah asli; dan

- ii. Melaksanakan *Supply Management Scheme* (SMS) sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran dunia bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan. Di bawah SMS ini, ketiga-tiga negara ITRC tersebut akan dapat mengawal bekalan getah asli dunia menerusi program tanam semula dan tanaman baharu getah secara terancang.

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan menyedari bahawa penurunan harga getah mempunyai kesan kepada pendapatan lebih 400,000 pekebun kecil dan golongan ini mengusahakan hampir 95% daripada tanaman getah negara. Antara langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk membantu golongan ini adalah seperti berikut :

- i. Menyediakan bantuan *one-off* sebanyak RM500 kepada para pekebun kecil pada bulan Mei 2013, di mana Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM160 juta; dan
- ii. Menyediakan insentif bantuan menanam semula dengan menggunakan benih klon getah yang berkualiti tinggi. Bagi tahun 2012-2014, Kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah *National Key Economic Area* (NKEA) untuk membiayai program tanam semula.

Sekian, terima kasih.